

BAB 2

ISLAMISASI ILMU

Gagasan islamisasi ilmu, menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a) diperkenalkan buat pertama kalinya apabila disebutkan oleh Muhammad Iqbal (meninggal tahun 1937) pada awal abad ke-20. "Islamisasi" kemudiannya telah didefinisikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas secara rasminya di hadapan 313 para ilmuan dan pemikir Islam dari seluruh dunia yang menghadiri Persidangan Pertama Sedunia Mengenai Pendidikan Islam di Makkah Mukarramah, Arab Saudi pada tahun 1977. Gagasan ini kemudiannya dipopularkan dengan meluasnya oleh Ismail al-Faruqi (1989) melalui bukunya *The Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* yang telah diedarkan ke seluruh pelusuk dunia Islam secara percuma.

Walaupun begitu, ini bukan bermakna konsep islamisasi tidak pernah diguna dan diamalkan oleh umat Islam sebelum ini. Malah, sebaliknya umat Islamlah yang mempelopori gerakan penerimaan ilmu dari negara lain seperti dari Yunani. Menurut Hassan Ibrahim Hassan (1987), usaha penerimaan ilmu dari Yunani ini dimulakan dengan penterjemahan buku-buku dari bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab yang kemudiannya mempengaruhi pandangan ahli falsafah Islam termasuk dalam bidang metafizik. Usaha ini lebih bersemarak lagi dan mencapai kemuncaknya pada zaman kerajaan Abbasiyah, terutamanya semasa pemerintahan kerajaan al-Makmum (813-833M) yang juga terkenal sebagai seorang ilmuan sehinggakan pada masa itulah tertubuhnya sebuah taman bacaan

umum, iaitu Baitul Hikmah (Hairudin Harun, 1992). Tegasnya, umat Islam sepanjang sejarahnya telahpun melaksanakan proses pemanfaatan ilmu daripada berbagai-bagai sumber.

Perkara ini berlaku kerana ajaran Islam menggalakkan ilmu dituntut walau dari mana-mana sumber pun. Menyedari hal inilah para pemikir dan ilmuan terdahulu sentiasa berusaha menyebatkan idea besar daripada tamadun lain dengan ajaran Islam dan telah membawa hasil yang membanggakan. Keupayaan umat Islam ini turut diiktiraf oleh Stumpf (1994) yang mengatakan pada masa itu dunia Islam telah lebih maju dan terkedepan dalam bidang falsafah Yunani, sains dan matematik berbanding dengan dunia Kristian. Golongan ahli falsafah seperti al-Kindi telah berusaha memasukkan ajaran Islam seperti konsep malaikat dan pembalasan hari kiamat ke dalam sistem falsafah umat Islam pada masa itu yang banyak diperoleh daripada falsafah Yunani. Ibnu Sina sebagai contohnya adalah ahli falsafah yang banyak dipengaruhi oleh idea Aristotle dan Neoplatonik yang terkenal dengan doktrin kejadian, iaitu idea bahawa setiap perkara yang berlaku mesti mempunyai sebab tertentu (Sulaiman Nordin, 1992). Oleh sebab Tuhan tidak mempunyai permulaan dan pengakhiran, maka Ibnu Sina membuat kesimpulan bahawa Allah s.w.t. adalah sumber segala kejadian. Menurut Abdullah Siddik (1980), kitab Ibnu Sina yang terkenal dengan nama *al-Qanun Fittib (formula medica)* yang bererti undang-undang ilmu ketabiban adalah kumpulan dari pusaka ilmu kedokteran Yunani Purba.

Usaha penerimaan ilmu dari luar negara Islam oleh para sarjana Islam ini dilakukan dengan tanpa menyebut “pengislaman ilmu” kerana agama dan umat

Islam pada waktu itu merupakan salah satu agama dan umat terkuat di dunia. Oleh itu usaha mereka dilakukan dalam suasana psikologi yang kuat. Ini berbeza dengan keadaan umat Islam pada ketika ini. Selain lemah dari semua segi, umat Islam juga masih terkial-kial mencari kaedah dan jalan terbaik untuk menentukan masa depannya sendiri. Keadaan ini boleh difahami apabila kita melihat selepas berakhirnya zaman gemilang umat Islam terutamanya dari segi politik, satu demi satu negara Islam telah jatuh ke tangan penjajah Barat bermula pada awal abad ke-16 lagi. Negara-negara ini cuma mencapai kemerdekaan mereka pada pertengahan abad ke-20.

Kebanyakan sejarawan tempatan mentafsirkan bahawa penjajah bukan setakat mengaut hampir kesemua hasil-mahsul tanah jajahannya tetapi juga turut menghancurkan-leburkan jiwa, peribadi dan kekuatan dalaman kebanyakan daripada umat Islam. Agenda utama mereka ialah peminggiran agama dan penyebaran fahaman sekular terutama di kalangan golongan elit Melayu (Mohd. Kamal Hassan, 1996). Perkara ini dilakukan dengan menggunakan semua alat dan kaedah yang ada pada mereka. Namun ramai ilmuan bersetuju bahawa sistem pendidikanlah yang telah dieksploit semaksimumnya oleh penjajah bagi mencapai cita-cita mereka (Mohd Kamal Hassan, 1988).

Dalam keadaan umat Islam yang begitu lemah dari semua sudut inilah munculnya gagasan islamisasi ilmu. Tumpuan islamisasi ini ialah pada ilmu. Jika semasa era kegemilangan kerajaan Islam dahulu, usaha mengambil ilmu dari pelbagai sumber dilakukan untuk memperkayakan tamadun yang ada dengan ilmu, tetapi keadaan sebaliknya berlaku pada masa ini. Umat Islam di kebanyakan

negara Islam kini bukan hanya mempelajari ilmu Barat tetapi mempelajarinya dengan rasa rendah diri. Mereka malu jika tidak dapat menguasai ilmu Barat dan malah lebih teruk lagi ada segelintir dari mereka yang beranggapan bahawa apa sahaja yang datang dari Barat adalah baik dan mesti diterima dan sebaliknya pula kurang bermutu jika sesuatu itu datang dari ciptaan atau idea tempatan. Bagi Siddiq Fadil (1992), mereka ini mengalami penyakit rasa rendah diri yang parah.

Dalam konteks ini adalah tidak menghairankan jika gagasan ini muncul dan tumpuannya pula adalah kepada ilmu kerana antara masalah utama umat Islam pada masa ini adalah masalah ilmu. Boleh dikatakan hampir kesemua negara Islam tergolong dalam kelompok negara dunia ketiga di mana meluasnya buta huruf, kejahilan, kemiskinan dan ketinggalan dari segi ilmu-ilmu moden. Sedangkan negara Barat pula yang pernah menjajah mereka adalah cukup maju, kuat dan moden dari semua segi. Di negara Barat jugalah berpusatnya perkembangan ilmu.

Semua ini menjadikan umat Islam peniru sepanjang zaman dan menerima bulat-bulat ilmu yang datang dari Barat. Masalah ilmu di kalangan negara Islam berlanjutan dalam bidang ekonomi. Akibat dari tidak berilmu maka umat Islam terpaksa bergantung kepada teknologi negara luar dan pasti tidak akan dapat bersaing kerana negara maju telah terlalu jauh terkedepan dari segi ilmu. Oleh sebab itu Wan Mohd. Nor Wan Daud (1990b) menyatakan, “ekonomi bangsa yang tidak berilmu, hanyalah ekonomi tumpangan yang menanti belas ihsan bangsa maju dan kaya untuk membuat pelaburan dan memaksakan syarat ke atas

mereka” (hlm. 52). Syarat-syarat itu pula tentulah akan mengurangkan kekuatan negara Umat Islam dan menguntungkan mereka.

Selain dari itu, umat Islam juga kehilangan kesedaran bahawa ilmu adalah tidak bebas nilai tetapi dipengaruhi oleh nilai manusia dan tamadun yang mempeloporinya. Oleh itu, menerima ilmu secara bulat-bulat tanpa merubahnya supaya sesuai dengan pandangan alam Islam tidak akan dapat mengeluarkan umat dari kekalutan masalah yang mereka hadapi. Kesilapan berterusan umat Islam itu akan menyebabkan umat Islam terus mundur dan ketinggalan. Maka dengan itu Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a) berpendapat, dalam sejarah intelektualisme Islam moden, gagasan Islamisasi ilmu ini adalah antara gagasan yang paling hebat dan mempunyai kemungkinan besar ke arah kecemerlangan ilmu kreatif Islam pada masa depan.

Definisi Islamisasi

Dari segi bahasa, islamisasi adalah berasal dari bahasa Inggeris iaitu *Islamization* yang bermaksud menjadikan Islam, mengislamkan, pengislaman ataupun islamisasi. Kamus Dewan (1998) pula mendefinisikan islamisasi sebagai usaha (proses dan sebagainya) menjadikan patuh kepada, sejajar, atau sesuai dengan ajaran (ciri-ciri dan sebagainya) kepada agama Islam; perihal mengislamkan dan juga pengislaman.

Daripada definisi ini, islamisasi bermaksud menjadikan Islam akan sesuatu. Jika merujuk kepada manusia, maka islamisasi bermaksud menjadikan seseorang itu Islam, iaitu patuh atau taat kepada prinsip-prinsip ajaran Islam.

Apabila berkaitan dengan sesuatu konsep pula maka islamisasi tentulah menjadikan konsep itu berasaskan ajaran Islam yang sebenarnya. Walaupun demikian definisi dari kamus ini bukanlah satu definisi yang seharusnya diterima begitu sahaja kerana meskipun dari kamus yang terbaik, terdapat kekurangan yang besar dari segi suasana dan nilai, iaitu kamus tidak mungkin dapat menyelami suasana sebenar ketika atau keadaan di mana frasa yang dimaksudkan digunakan dalam perbincangan. Definisi kamus meletakkan istilah dalam vakum.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991c) menyatakan, walaupun Muhammad Iqbal merupakan pemikir Islam moden pertama yang membicarakan gagasan islamisasi ilmu tetapi Iqbal tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan pengislaman ilmu dan cara melakukannya. Tokoh yang telah mendefinisikan dan menghuraikannya ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978).

Mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), islamisasi ialah “pembebasan manusia; pertama dari tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu (pembebasan akal) dan bahasa daripada sekularisme” (hlm. 41). Bagi beliau proses islamisasi ialah proses dua hala; iaitu pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada kejadian asalnya, kepada fitrah.

Definisi yang diberikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas ini ternyata menjadikan manusia sebagai sasarannya. Manusia adalah agen utama islamisasi, bukan sistem, struktur ataupun organisasi yang terdapat dalam masyarakat. Implikasi kenyataan ini adalah dari segi usaha, islamisasi bermaksud berusaha membina manusia yang menghayati ajaran Islam yang sebenarnya.

Islamisasi Ilmu

Didapati, kebanyakan pemikir yang membincangkan tajuk yang berkaitan dengan islamisasi ilmu tidak membuat pembezaan yang jelas di antara islamisasi dan islamisasi ilmu. Seolah-olah istilah islamisasi dan islamisasi ilmu adalah perkara yang sama. Memanglah diakui agak sukar memisahkan atau membezakan penggunaan kedua istilah ini kerana eratnya kesatuan maksud yang tersimpul. Apabila dikatakan islamisasi kebanyakan orang merujuk kepada islamisasi ilmu dan bukan perkara yang lain dan membuat kesimpulan kedua-dua istilah itu adalah perkara yang sama. Walau bagaimanapun, jika diamati dengan teliti definisi Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), islamisasi merujuk khusus kepada manusia. Manusia perlu diubah kepada keadaan asal atau fitrahnya. Perubahan ini melibatkan perubahan pandangan hidup agar berbeza dari yang ada yang telah diwarnai oleh ilmu yang diperoleh selama ini.

Tinjauan terhadap penggunaan istilah atau konsep tersebut mendapati, penulis yang berlainan memberi tumpuan kepada aspek yang berlainan. Misalnya Seyyed Hussein Nasr (1984) memberi tumpuan kepada islamisasi sains, Rosnani Hashim (1998) kepada islamisasi pendidikan dan Ziauddin Sardar (1984) kepada islamisasi sains dan alam sekitar. Sementara beberapa penulis lain melihat ilmu secara umum (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991c; Ismail al-Faruqi, 1989). Ini menunjukkan bahawa islamisasi ilmu adalah merujuk khusus kepada islamisasi ilmu tertentu sedangkan istilah islamisasi sahaja lebih menjurus kepada manusia.

Oleh itu, istilah islamisasi ilmu perlu dijelaskan. Berdasarkan perbincangan di atas maka islamisasi ilmu bolehlah dikatakan sebagai usaha

menjadikan ilmu pengetahuan menurut atau berdasarkan sistem nilai dan tasawwur Islam. Disebabkan kebanyakan ilmu pengetahuan pada masa ini datangnya dari Barat ataupun paling kurang dipengaruhi oleh sistem nilai dan pandangan alam Barat maka Zaini Ujang (1989) menyimpulkan bahawa perlunya dilakukan proses penyaringan fakta-fakta yang terkandung di dalam sistem keilmuan Barat. Namun, seharusnya selain daripada penyaringan fakta, perkara yang juga perlu dilakukan adalah mengasing dan mempertimbangkan semula nilai dan pandangan alam yang mempengaruhi ilmu Barat itu dan kemudian menghasilkan semula ilmu dalam sintesis yang kreatif. Hal ini adalah kerana bukan mudah melakukan penyaringan fakta. Tambahan pula masalah utama ilmu bukan soal fakta tetapi soal nilai, semangat dan budaya yang menghasilkannya yang tidak selari dengan visi Islam (Ibrahim A. Ragab, 1998).

Oleh kerana gagasan islamisasi ini berhubungkait dengan ilmu maka pandangan Islam tentang ilmu akan dibincangkan kerana definisi yang tepat dan jelas tentang ilmu adalah langkah pertama ke arah proses islamisasi itu sendiri. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), “ilmu merujuk kepada Allah sebagai asal segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri (roh) seseorang. Apabila merujuk kepada diri (roh) sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri (roh) seseorang kepada makna tentang sesuatu”. (hlm. 17)

Definisi ini menjelaskan bahawa sumber segala ilmu ialah Allah s.w.t. Perspektif Islam melihat terdapat dua jenis ilmu, iaitu ilmu yang langsung diperoleh dari Allah s.w.t. (*revealed knowledge*) dan disampaikan kepada manusia melalui rasul-rasulnya, dan ilmu yang diusahakan atau diperoleh manusia

melalui penggunaan akal dan pengalaman hidupnya (Muhammad Abdul Rauf, 1994). Sementara Zarin Ismail (1996) berpendapat, “alam semesta sebagaimana digambarkan di dalam al-Quran adalah seperti Buku Besar yang terbuka dan setiap rincian yang di dalamnya berbicara tentang Sang Pengarangnya” (hlm. 3). Alam semesta ini termasuklah cakerawala yang paling jauh mahupun kita sendiri adalah laksana sebuah kata atau ayat di dalam Buku Besar itu. Oleh itu, apa yang terdapat pada alam sekeliling manusia walaupun menjadi sumber ilmu kepada manusia hanyalah menjadi pengesahan kepada kekuatan Allah s.w.t.

Definisi Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980) tersebut juga mengemukakan satu perspektif baru tentang ilmu, iaitu ilmu merujuk kepada makna akan sesuatu dan bukan hanya sekadar maklumat. Jelas, mengikut tafsiran ini memiliki maklumat tidak semestinya berilmu jika ia tidak memberikan makna kepada individu. Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a), ilmu adalah kualiti kerohanian yang tidak dimiliki oleh mesin atau komputer dan ianya hanya dimiliki oleh manusia. Oleh sebab itu, setiap mesin termasuklah robot yang paling canggih yang dikatakan boleh melakukan tugas-tugas harian manusia tidak mungkin memiliki ilmu menurut perspektif ini.

Dari segi hierarki pula, perspektif Islam seperti yang dibincangkan oleh Al-Ghazali, membahagikan ilmu kepada fardu ain dan fardu kifayah (Hamid Fahmy Zarkasi, 1990). Hierarki ini adalah menurut kewajipan-kewajipan ilmu dan amal dan tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu individu. Ilmu fardu ain adalah ialah ilmu yang diwajibkan kepada setiap umat Islam yang baligh, seperti ilmu tentang akidah dan melaksanakan rukun Islam. Ilmu fardu kifayah pula

adalah ilmu yang wajib dituntut oleh sebahagian dari umat Islam demi kepentingan masyarakat dan negaranya. Ilmu fardu ain adalah ilmu yang membolehkan manusia mengenal Tuhannya, mengenal rasulnya serta bagaimana untuk menurut perintah Tuhannya. Oleh itu ilmu fardu ain hanya boleh diperoleh dari ilmu wahyu. Sedangkan ilmu fardu kifayah adalah ilmu yang membolehkan manusia meneruskan kesinambungan hidup seharian dan ilmu ini pula diperoleh melalui usaha manusia di dunia ini. Jika ilmu fardu kifayah sentiasa berbeza-beza dan pelbagai cara mengikut keadaan hidup manusia di sesuatu tempat tetapi ilmu fardu ain sentiasa sama dari segi kandungan dan makna pada seluruh umat Islam di seluruh dunia. Perbezaan tidak mungkin diizinkan dalam ilmu fardu ain kerana ia adalah melibatkan aqidah Umat Islam. Sedangkan penyimpangan dalam aqidah boleh mengeluarkan seseorang itu dari golongan umat Islam. Maka dapatlah disimpulkan ilmu fardu ain adalah ilmu asas dan ilmu fardu kifayah pula berdiri di atas asas ilmu fardu ain tadi.

Oleh sebab islamisasi berfokuskan manusia, maka bahagian yang berikut akan membincangkan ciri-ciri manusia itu mengikut perspektif Islam. Namun berdasarkan definisi islamisasi yang diberikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas pada tahun 1978 seperti yang telah dibincangkan di atas, dapat diketahui bahawa manusia yang dimaksudkan oleh islamisasi itu ialah manusia yang fitrah.

Istilah fitrah adalah berasal dari bahasa Arab, iaitu “fatarah” yang boleh diterjemahkan sebagai suci, bersih, asli, yang asal, semula jadi dan keadaan sebenarnya. Apabila dikatakan fitrah akan sesuatu bermakna ia merujuk kepada keadaan yang suci, bersih, yang asal, semula jadi dan keadaan sebenar sesuatu

itu. Apabila merujuk kepada manusia ia juga bermakna keadaan yang suci, bersih, yang asal dan semula jadi atau keadaan sebenar seseorang manusia. Dalam hal ini terdapat perbezaan pendapat tentang fitrah manusia dari perspektif Islam dan perspektif Barat yang akan dibincangkan pada bahagian berikut.

Fitrah Manusia

Rosnani Hashim (1996) berpendapat, terdapat banyak definisi yang telah diberikan oleh ulama Islam tentang fitrah. Antara definisi tersebut ialah; “pertama, fitrah ialah sinonim dengan Islam; kedua, sinonim dengan tauhid dan ketiga, diinterpretasikan sebagai keadaan ketika masa manusia diciptakan” (hlm.78). Keadaan ketika manusia diciptakan adalah satu detik yang unik, kerana setelah diciptakan oleh Tuhan, manusia sendiri membuat pengakuan tentang keesaan Tuhan. Keadaan inilah yang dikatakan sebagai satu fitrah manusia, iaitu manusia itu sejak asal adalah percaya kepada Tuhan dan mengakui kebesarannya. Berdasarkan kenyataan Rosnani Hashim ini ternyata walaupun dari segi bahasa fitrah boleh diterjemahkan kepada maksud yang pelbagai seperti bersih, suci dan keadaan semula jadi tetapi konsep sebenar fitrah adalah satu konsep khusus yang terdapat dalam Islam sahaja yang merujuk kepada tauhid kerana konsep fitrah adalah kaya dengan nilai dan nilai-nilai itu merujuk kepada nilai Islam.

Persoalan berikutnya ialah, apa yang dimaksudkan manusia fitrah dan bagaimana untuk menghasilkannya? Prinsip umum yang diberikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) ialah bahawa proses menghasilkan manusia seperti ini adalah melibatkan proses dua hala iaitu proses pembebasan diri dan

pengembalian diri. Apabila Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan bahawa proses islamisasi itu melibatkan “pembebasan diri” dan “pengembalian diri” kepada kejadian asalnya, dapatlah ditafsirkan bahawa umat Islam yang ada pada masa ini tidak bebas dan tidak berada dalam keadaan fitrah. Apakah punca kepada berlakunya keadaan ini? Terdapat banyak jawapan yang boleh diberikan bagi menerangkan mengapa manusia itu terpisah dari kejadian asalnya itu, fitrah. Berdasarkan definisi islamisasi itu, kesimpulan awal yang dapat diberikan tentang unsur-unsur yang berada dalam diri umat Islam ialah tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan serta juga sekularisme. Dengan itu dari segi usaha, seperti yang disebutkan oleh Gaafar Syekh Idris (1975), islamisasi adalah usaha terancang dan beransur-ansur yang akan membuahkan satu masyarakat yang berpegang teguh kepada keseluruhan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan masyarakat (dipetik oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991a).

Manusia fitrah adalah matlamat akhir islamisasi. Membincangkan keadaan sebenar fitrah atau fitrah manusia bermaksud kita akan membicarakan persoalan asal kejadian, komposisi yang membina manusia, matlamat atau tujuan penciptaannya, tanggungjawab atau peranan manusia serta juga ke manakah akhirnya kehidupan manusia itu?

Dari segi asal kejadian, Islam menolak hipotesis Darwin yang menyatakan manusia berasal dari monyet yang telah melalui proses evolusi. Sebaliknya, menurut perspektif Islam, kejadian manusia adalah diciptakan oleh Allah s.w.t. dari tanah hitam dan ditiupkan roh kepadanya. Kenyataan ini dinyatakan oleh al-Quran dalam surah al-Hijr Ayat 28-29 yang maksudnya,

Sesungguhnya Aku menciptakan manusia dari tanah kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang telah berubah. Apabila Aku telah sempurnakan kejadiannya, dan Aku tiupkan ke dalamnya daripada rohku,

Manusia pertama pula ialah Adam a.s. dan kedua ialah Hawa a.s. Dari mereka berdua inilah berkembangnya zuriat manusia yang ada pada hari ini.

Islam juga menyatakan bahawa manusia yang dilahirkan ke dunia ini adalah berada dalam keadaan semula jadinya baik, iaitu fitrah. Perspektif ini berbeza dengan pendapat golongan Kristian yang menyatakan manusia adalah lahir dengan keadaan berdosa (*original sin*) (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1989; Zarin Ismail, 1996). Dosa ini diwarisi kerana nenek moyang manusia, iaitu Adam dan Hawa yang ingkar dengan perintah Allah lalu mereka dihukum dengan terpaksa keluar dari syurga dan kemudiannya menghuni bumi. Menurut perspektif Kristian lagi, Nabi Isa sendiri yang mati di tiang salib adalah untuk menebus dosa kelahiran manusia dan ianya dianggap sebagai pengorbanan dan pernyataan kasih sayang yang paling besar terhadap umatnya. Oleh itu, setiap anak yang dilahirkan juga perlu dibaptiskan oleh paderi bagi membersihkan diri dari dosa kelahiran itu.

Tentang persoalan komposisi manusia pada pandangan Barat terutamanya mereka yang terlalu berpegang kepada sains berpendapat, komponen yang membina manusia itu tidak lebih dari fizikal, emosi dan akal. Aspek roh dinafikan kewujudannya kerana bagi golongan ini sesuatu yang benar dan sah itu hanyalah perkara yang boleh dicerap oleh panca indera zahir. Di sebaliknya, Islam melihat manusia terdiri daripada kesatuan elemen fizikal dan roh. Roh kadang-kadang disebut sebagai kapasiti intelek, emosi dan rohani (Syed Muhammad Naquib al-

Attas, 1993). Inilah kehebatan dan keluasan pandangan Islam yang sedia mengakui kewujudan komponen roh dalam diri manusia meskipun tidak dapat dibuktikan dengan menggunakan pancaindera zahir kerana sesuatu yang tidak dapat dibuktikan oleh pancaindera zahir tidak semestinya tidak ada. Sikap ini bolehlah ditafsirkan sebagai tidak rasional kerana menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b), berfikir secara rasional dalam konteks umat Islam termasuklah menerima hakikat keterbatasan akal-rasional itu sendiri. Justeru, sebahagian dari sikap rasional ialah menerima kebenaran sumber yang mengatasi akal, yang supra-rasional seperti wahyu dan ilham. Jadi, bukanlah sesuatu yang tidak rasional jika kita menerima kewujudan roh dalam diri manusia. Pengalaman manusia sebelum ini seperti sejarah penemuan mikro organisma menceritakan bahawa pada peringkat awalnya manusia tidak dapat membuktikan kehadiran mikro organisma sehinggalah ditemui mikroskop. Adakah ini bermakna, sebelum penemuan mikroskop, mikro organisma tidak wujud? Sudah tentu tidak demikian bukan!

Begitulah juga dengan persoalan roh. Malah yang lebih menarik lagi, bagi orang Islam, ketidakmampuan manusia untuk mengetahui persoalan roh dengan terperinci bukanlah suatu yang menghairankan sebab al-Quran sendiri telah menjelaskan tentang keterbatasan kemampuan manusia ini dengan menyatakan persoalan roh adalah soal ghaib dan hanya sedikit pengetahuan yang diberikan oleh Tuhan tentangnya seperti yang ternyata dalam ayat al-Qur'an surah al-Isra': Ayat 85.

Mereka bertanya kepada engkau tentang roh, katakanlah: roh itu sebahagian dari urusan Tuhanku, kami tiada diberi pengetahuan, melainkan sedikit

Seterusnya persoalan, adakah penciptaan manusia ini mempunyai tujuan atau tidak? Mereka yang berpendapat bahawa manusia terhasil dari proses evolusi menyokong idea bahawa kehadiran manusia ini adalah hasil dari faktor persekitaran secara semula jadi sama seperti organisma yang lain yang terhasil dari proses yang serupa (Roberts, 1976). Dengan itu, manusia seperti juga organisma lain tidak mempunyai tujuan tertentu selain dari memenuhi atau terpaksa mengikuti kitaran alam semula jadi. Di sebaliknya, menurut perspektif Islam manusia diciptakan di muka bumi ini bukanlah tanpa tujuan, tetapi dilantik oleh Tuhan sebagai khalifah (pemimpin). Surah al-Baqarah, ayat 30 menyatakan;

.....Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas bumi (Adam)

Tugas sebagai khalifah pula ialah untuk memakmurkan alam dan bukan mengeksploitasinya. Bagi membolehkan manusia melaksanakan tugas sebagai khalifah ini maka manusia diberikan akal untuk membolehkannya berfikir dan membuat pertimbangan. Sebab itulah manusia secara umumnya adalah dikenali sebagai “haiwan rasional”. Keupayaan ini jugalah yang membolehkan dia membezakan antara kebaikan dan keburukan. Selain dari itu manusia disebutkan sebagai makhluk paling baik dan sempurna penciptaannya di antara makhluk lain ciptaan Tuhan. Keistimewaan manusia berbanding haiwan ialah kerana dia memiliki akal yang membolehkannya berfikir dan membuat pertimbangan. Sementara itu manusia tetap juga seorang hamba Allah s.w.t., iaitu mesti taat

kepada perintah Tuhannya. Tugas memakmurkan alam itu adalah bukan satu keistimewaan tetapi sebagai satu daripada ketaatan kepada Tuhan. Sebab itulah manusia dikatakan memegang amanah. Malah manusia akan dipertanggungjawabkan oleh Tuhan akan perbuatannya di akhirat kelak, iaitu kehidupan selepas kematian. Supaya manusia boleh melakukan tanggungjawabnya maka ia diberikan kebebasan untuk bertindak.

Ke manakah akhirnya kehidupan manusia? Bagi orang Barat yang percaya kepada hipotesis Darwin, kehidupan manusia ini berakhir setelah kematiannya. Manusia seperti juga makhluk yang lain, sama ada haiwan ataupun tumbuh-tumbuhan, tidak punya apa-apa selepas kematiannya. Kehidupan di dunia adalah segala-galanya dan akan berakhir di dunia ini juga. Persoalan hidup selepas kematian adalah tidak mungkin dan mustahil. Sebaliknya, bagi Islam kehidupan di dunia ini adalah sementara sahaja dan terdapat kehidupan yang kekal di alam yang lain selepas kematian. Malah kematian adalah merupakan satu titik permulaan bagi pengembaraan hidup yang lebih panjang dan kekal. Alam baru tersebut dikenali sebagai alam akhirat. Di alam yang baru ini pula manusia akan disoal dan dipertanggungjawabkan dengan segala perbuatannya di dunia ini. Oleh sebab itu, manusia semasa di dunia sentiasa diperingatkan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap segala kesan dan akibat dari tindakan mereka bukan hanya setakat di dunia tetapi di alam yang kekal abadi iaitu alam akhirat. Akhir kehidupan manusia bukanlah setakat di dunia ini tetapi di alam selepas kematian iaitu alam akhirat. Usaha islamisasi untuk menghasilkan manusia yang menepati

kehendak fitrahnya mesti dilakukan dengan islamisasi bahasa. Dengan itu perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan perkara ini.

Islamisasi Bahasa

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), juga menyatakan langkah pertama islamisasi adalah islamisasi akal dan pemikiran melalui islamisasi bahasa. Kenyataan ini menunjukkan bahawa islamisasi akal dan pemikiran tidak mungkin dapat dilakukan tanpa islamisasi bahasa terlebih dahulu. Peringkatnya bahasa dalam kehidupan manusia terbukti apabila gambaran dan konsep tertentu tentang sesuatu dalam fikiran seseorang adalah diterangkan oleh bahasa. Bahasa yang baik akan dapat mengungkapkan sesuatu konsep dengan tepat di dalam minda dan dapat memberikan makna yang tepat. Maka menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat mengikut prinsip-prinsip Islam dalam semua perkara bermakna telah mengislamisasikan akal dan pemikiran.

Oleh sebab itulah Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), menyatakan bahasa bukan setakat alat komunikasi dan persoalan luaran semata-mata tetapi bahasa adalah hal kehidupan batin, iaitu bahasa adalah satu gambaran pemikiran sesuatu bangsa. Perkara ini boleh dilihat melalui konsep-konsep yang terdapat dalam istilah-istilah penting tentang pandangan hidup sesuatu masyarakat. Sebagai contoh, konsep insan sebagai binatang yang rasional yang terkandung dalam al-Quran ditafsirkan sebagai mempunyai daya ikhtiar diri sendiri dengan penggunaan intelek atau akalnya (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980). Konsep seperti ini perlulah difahami dengan maksud yang sama oleh umat Islam

di seluruh pelusuk dunia. Kefahaman yang sama tidak mungkin diperoleh jika tidak menggunakan bahasa yang mampu menerangkannya dengan tepat.

Bahasa Arab, menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), telah melalui proses islamisasi. Oleh itu, bahasa ini telah mengalami transformasi dari bahasa orang Arab sahaja, iaitu yang tertakluk kepada pengaruh budaya dan sosial Arab sahaja kepada bahasa yang digunakan untuk menerangkan persoalan metafizik agama Islam. Bahasa Arablah yang menjadi penghubung dalam memahami konsep-konsep abstrak dalam agama Islam. Apabila menerangkan konsep-konsep tertentu tentang Islam maka maknanya hendaklah diperoleh dari kitab suci al-Quran (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1989). Perkara ini menjamin pengetahuan tentang Islam yang tepat dan benar. Dengan itu perbincangan berikutnya adalah berkaitan dengan unsur yang mempengaruhi akal dan bahasa iaitu sekularisme.

Sekularisme

Salah satu daripada keperluan Islamisasi menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), ialah pembebasan akal dan bahasa dari sekularisme. Persoalan apakah dia sekularisme dan kenapakah sekularisme menjadi begitu penting akan dibincangkan. Dari segi bahasa, menurut Mohammad Redzuan Othman (2000), “sekular” berasal dari bahasa Latin *saeculum* dan mempunyai dua konotasi, iaitu masa dan tempat. Masa merujuk kepada masa akan datang ataupun ketika ini, sedangkan tempat merujuk kepada dunia ataupun dunia yang

kelihatan. Jadi *seaculum* merujuk kepada masa ketika ini atau kepada peristiwa yang berlaku di dunia ini, pada ketika ini atau pada keadaan yang sedang berlaku.

Dari segi etimologi, Syed Hussin al-Attas (1999) menjelaskan bahawa istilah sekularisme ini mempunyai tiga erti kata, iaitu pertama, erti yang timbul dari sejarah gereja Katolik pada zaman pertengahan di Eropah Barat. Ketika itu terdapat pembahagian paderi-paderi kepada dua bahagian, iaitu paderi sekular dan bukan sekular. Paderi bukan sekular adalah paderi yang hidup terasing di rumah-rumah rahib (*monestary*). Mereka ini tidak terlibat dalam urusan duniawi sedangkan paderi-paderi sekular terlibat dalam pemeliharaan hidup duniawi sehari-hari masyarakat Katolik. Kedua, sekular adalah satu aliran falsafah yang tidak percaya kepada Tuhan dan tidak beragama yang disuarakan oleh seorang Inggeris yang bernama Holyoake pada kurun ke-19; dan ketiga, erti sekular timbul dari satu proses yang disebut sekularisasi masyarakat. Dalam erti kata ini, pengaruh agama berkurangan akibat proses perbandaran dan industrialisasi

Manakala Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978), pula berpendapat sekularisasi bermaksud pembebasan manusia dari agama dan pembebasan kehidupan seseorang, sama ada pemikirannya mahupun bahasanya dari persoalan ghaib atau metafizik. Oleh sebab itu sekularisme memberikan banyak implikasi kepada kehidupan manusia. Dari segi makna kehidupan di dunia ini, maka kehidupan adalah hak manusia sepenuhnya dan manusialah yang menentukan sendiri apa yang telah dan akan berlaku. Segala yang berlaku tidak ada hubungan dengan nasib ataupun ketentuan takdir dan akan berakhir setakat di dunia tanpa melibatkan pembalasan di alam akhirat. Oleh itu, menurut Siddiq Fadil (2000)

golongan sekular ini menanggap bahawa yang wujud hanya alam fizikal ini dan dengan demikian mereka menolak realiti metafizik.

Walaupun definisi Syed Hussin al-Attas (1999) banyak membantu kita memahami sejarah penggunaan istilah sekularisme tetapi definisi Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) lebih tepat menjelaskan maksud sekular kerana ia menjelaskan makna, aktiviti dan kesan sekularisme. Sebagai rumusannya penggunaan istilah sekularisme adalah membawa makna yang pelbagai menurut maksud yang digunakan oleh seseorang itu. Tetapi maksud sebenar sekularisme dalam perbincangan ini adalah pembebasan manusia secara keseluruhannya dari persoalan ghaib atau metafizik. Persoalannya seterusnya ialah apakah langkah yang seharusnya diikuti oleh seseorang yang ingin melakukan islamisasi? Adakah terdapat proses khusus islamisasi ilmu? Perkara ini wajar dijawab kerana ia akan menjadi panduan kepada setiap cendekiawan muslim yang berminat dalam melaksanakan islamisasi.

Proses Islamisasi Ilmu

Al-Faruqi (1989), menyarankan tiga langkah utama dalam islamisasi ilmu yang melibatkan 3 proses. Pertama, seseorang itu haruslah menguasai ilmu Barat moden dan berupaya membuat penilaian dan kritikan terhadap ilmu-ilmu ini dari segi kaedah dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Kedua, seseorang juga haruslah menguasai ilmu Islam dan membuat penilaian dari segi perspektif Islam, keperluan ummah pada masa ini dan pengetahuan moden terkini. Ketiga, menjalankan sintesis yang kreatif di antara ilmu-ilmu Islam dan ilmu-ilmu moden.

Menurut saranan ini, seseorang yang mahu melaksanakan islamisasi ilmu haruslah menguasai kedua-dua ilmu Barat dan ilmu Islam (Ibrahim A. Ragab, 1998). Seperti yang diulas oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (1991a) syarat “mengetahui semua khazanah dalam sesuatu disiplin moden dan semua khazanah ilmu Islam inilah yang diminta oleh pendukung islamisasi kemudian”(hlm. 99). Syarat ini walaupun ada baiknya tetapi mungkin akan menjadikan islamisasi ilmu terlalu sukar untuk dilakukan oleh sesiapaupun. Perkara ini mungkin terjadi kerana bukanlah mudah untuk menguasai kedua-dua disiplin ilmu Barat dan ilmu Islam dalam masa yang singkat sedangkan usia manusia terbatas. Malah untuk menguasai salah satunya sahaja dengan baik memerlukan seseorang menghabiskan hampir separuh daripada hayatnya. Bukanlah juga satu rahsia lagi bahawa pada masa ini boleh dikatakan tidak ramai atau terlalu sukar untuk menemui ilmuan yang menepati keperluan sedemikian (Ismail al-Faruqi, 1989).

Sesungguhnya syarat ketat ini jika dipatuhi sepenuhnya tentulah akan menjadi penghalang dan tidak boleh menjadi penggalak kepada usaha mendalami dan menyemarakkan islamisasi ilmu. Sebaliknya syarat ini sudah pasti akan membekukan gagasan ini dan menghilangkan minat terhadapnya. Oleh itu, adalah wajar untuk memahami bahawa terdapat hikmah dari syarat tersebut. Sudah tentulah syarat yang dikenakan kepada sesiapa yang mahu memulakan islamisasi ilmu menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991a), bukanlah bertujuan untuk menghalang mereka yang ikhlas dan berilmu daripada menyumbangkan ideanya tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk mengelakkan mereka yang tidak mempunyai persediaan ilmu yang mencukupi melakukan islamisasi ilmu dengan

sewenang-wenangnya sehingga mengakibatkan berlakunya kerosakan konsep islamisasi ilmu itu sendiri. Akhirnya menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991a) lagi, “islamisasi ilmu akan rosak bukan kerana konsepnya yang tidak baik dan tidak bermanfaat tetapi oleh mereka yang kurang cermat tetapi mendabik dada dan mahu menjadi hero kepada gagasan besar ini” (hlm. 91).

Satu perkara yang wajar dipertimbangkan adalah kenyataan bahawa sungguhpun al-Faruqi (1989) menyatakan perihal menguasai ilmu Barat dan Islam tetapi beliau tidak menjelaskan dengan terperinci tentang had-had serta setakat manakah penguasaan ilmu seseorang itu dalam kedua-dua bidang tersebut. Mungkin pendapat Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a) dalam perkara ini adalah bertepatan, iaitu beliau menyatakan syarat penguasaan yang baik itu adalah mendapat pendidikan yang sistematik dalam kedua-dua bidang tersebut. Jadi perbincangan berikutnya adalah menyentuh langkah yang harus diikuti dalam proses islamisasi ilmu.

Bagaimana Dan Bila Untuk Memulakan Islamisasi Ilmu

Antara persoalan utama yang harus difikirkan oleh seseorang jika ingin membincangkan poses islamisasi ilmu ialah bagaimana dan bila untuk memulakan proses ini. Adakah terdapat petanda yang pasti ataupun titik mula yang tetap yang harus diikuti oleh seseorang? Menurut Ibrahim A. Ragab (1998), kebanyakan pemikir yang membincangkan konsep asas islamisasi ilmu bersetuju bahawa konsep asas islamisasi ilmu melibatkan integrasi di antara ilmu dari Tuhan (*Islamic reveal knowledge*) dengan sains kemanusiaan. Oleh itu menurut

al-Faruqi (1989), satu cara melaksanakan islamisasi ilmu ialah dengan membuat teori-teori, kaedah-kaedah, prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan yang berpaksi kepada prinsip asas kaedah Islam.

Dalam perbincangan sebelum ini telah disebutkan al-Faruqi (1989) berpendapat terdapat tiga keperluan untuk memulakan islamisasi ilmu iaitu pertama, menguasai ilmu Barat. Kedua, menguasai ilmu Islam dan ketiga, menjalankan sintesis kreatif kedua-dua cabang ilmu tersebut. Apa yang perlu difikirkan adalah yang mana satukah antara tiga langkah itu yang boleh digunakan sebagai satu titik mula. Walaupun tiga langkah yang diberikan oleh al-Faruqi disusun secara berurutan namun menurut Ibrahim A. Ragab (1998), ini bukan pula bermaksud bahawa urutan itulah yang harus diikuti, malah al-Faruqi tidak pun menyatakan sedemikian.

Dalam soal penguasaan ilmu ini, menurut Ibrahim A. Ragab (1998) terdapat dua kemungkinan pilihan langkah yang boleh dibuat oleh seseorang, iaitu sama ada menguasai ilmu Barat dahulu ataupun sebaliknya, iaitu menguasai ilmu Islam dahulu sebagai titik permulaan. Seandainya seseorang memilih ilmu Barat sebagai titik permulaan, kelebihan utamanya dunia sekarang dikuasai dan diungguli oleh ilmu Barat. Maka seseorang itu tidak akan canggung dan lebih moden tetapi kelemahan utamanya ialah seseorang itu mungkin akan terperangkap dengan kaedah, nilai dan perspektif Barat tanpa disedarinya.

Jika memilih menggunakan al-Quran, hadis dan pemikir awal Islam sebagai titik permulaan, kelebihanannya ialah seseorang itu akan merujuk terus kepada sumber asli Islam. Oleh itu dia tidak mungkin akan terpengaruh dengan

perspektif Barat yang sekular. Namun menurut Ibrahim A. Ragab (1998) lagi, kelemahannya juga tetap ada iaitu pemikiran intelektual Islam awal telah lama terpisah, terputus dan tidak berkembang buat sekian lama. Salah satu daripada punca kepada terputusnya pemikiran intelektual Islam ini mungkin kerana penutupan pintu ijtihad di kalangan umat Islam (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991a). Penjajahan pula menyebabkan negara umat Islam terbahagi kepada beberapa negara yang berasingan dan menyebabkan negara Islam bukan lagi tempat berkembangnya ilmu. Satu kesan utama dari tidak berkembangnya pemikiran intelektual muslim ini menurut Yusuf Al-Qardawi (1996b), adalah keadaan kaum muslim dan golongan terpelajar mereka kehilangan keupayaan untuk melihat keutamaan bagi dirinya sendiri. Dalam masa yang sama kajian dan penulisan orang Barat terhadap Islam telah membantu mengelirukan lagi umat Islam terhadap agama dan jati dirinya sendiri kerana ramai cendekiawan Islam belajar dari orang Barat tentang agama dan diri umat Islam sendiri (Abdul Hamid A. Abu Sulayman, 1993). Sedangkan kebanyakan kajian dan penulisan Barat tentang Islam adalah dari sudut pandangan alam dan nilai mereka.

Dengan itu cara terbaik dalam menentukan titik mula ini ialah dengan melihat kepada latar belakang akademik seseorang. Jika seseorang adalah dari latar belakang ilmu Barat maka eloklah dia memulakan langkah pertamanya dengan menguasai ilmu Barat, dan demikian juga jika seseorang itu dari latar belakang ilmu Islam, maka lebih sesuai dia memulakannya dari ilmu Islam.

Langkah ketiga, iaitu mensintesis ilmu Islam dan Barat dalam bentuk yang kritis agak kurang jelas dan terlalu kabur prinsip perlaksanaannya. Apakah

yang dimaksudkan dengan sintesis yang kreatif itu? Bahagian ini bolehlah dikatakan sebagai yang paling mencabar dan paling sukar. Kesukaran ini adalah kerana tidak terdapatnya model atau contoh yang boleh dijadikan panduan. Dengan itu, usaha ini memerlukan individu yang bukan sahaja mempunyai keupayaan berfikir peringkat tinggi dan kreatif tetapi juga haruslah mempunyai keberanian untuk melahirkan idea-idea yang berbeza dari perspektif yang sedia ada. Pada masa ini, menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991) contoh individu yang sedemikian ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Usaha Syed Muhammad Naquib al-Attas terbukti melalui cetusan gagasan islamisasi ilmu. Di samping itu menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a: 1998), Syed Muhammad Naquib al-Attas juga menyumbangkan idea asli yang menepati ciri-ciri islamisasi ilmu dalam beberapa cabang ilmu. Antara sumbangan beliau termasuklah menyelesaikan masalah yang melibatkan sejarah, intelektual dan budaya umat Islam di kepulauan Melayu. Selain dari itu, beliau juga adalah orang pertama di dunia Islam moden membina, menjelas dan menghuraikan makna, skop dan kandungan pendidikan Islam, konsep universiti Islam, islamisasi ilmu, metafizik Islam dan falsafah sains Islam.